

**Menyingkap Pengalaman Subkhiddin Haji Mohd Salleh Sebagai Pengadil Bola Sepak Malaysia**

Kamarul Azwan Azman  
Muhammad Asnawi Rusydi Bin Ahmad Sibi  
Muhammad Khairul Rizal Bin Anuwar  
Mohd Nizam Yunus  
Ahmad Azman Mohamad Ramli

**Fakulti Pengurusan Maklumat,  
UiTM Kampus Puncak Perdana**  
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

**Abstrak**

*Artikel ini menyingkap pengalaman Subkhiddin bin Haji Mohd Salleh yang telah berkecimpung bukan sahaja dalam bidang pengadilan bola sepak secara profesional di Malaysia tetapi juga kerjaya beliau sebagai seorang guru. Maklumat ini diperolehi melalui hasil dokumentasi lisan. Ia bermula dengan latar belakang diri dan keperibadian beliau, keluarga serta pendidikan. Selain itu, ia juga mengisahkan kepada penglibatan awal beliau, pengalaman dan cabaran yang dihadapi sepanjang kerjayanya sebagai pengadil bolasepak. Artikel ini juga turut berkongsi anugerah yang telah diterima di sepanjang karier beliau sebagai seorang guru dan perlantikan beliau sebagai pengadil antarabangsa sehingga meletakkan beliau antara pengadil yang terbaik yang pernah dilahirkan oleh negara.*

*Kata kunci: Pengadil, Guru, Bola sepak, FIFA, Piala Dunia, FAM*

**Latar Belakang**

Nama Subkhiddin bin Haji Mohd Salleh bukanlah nama asing bagi peminat bola sepak di tanah air. Beliau dilahirkan pada 17 November 1966 di Bagan Ajam, Butterworth, Pulau Pinang. Beliau diberi nama timangan ‘Iman’ dikalangan orang kampung kerana nama Subkhiddin itu sendiri agak janggal disebut. Subkhiddin datang daripada keluarga yang besar.

Beliau mempunyai sebelas orang adik beradik dan beliau merupakan anak yang ke-enam. Adik beradik beliau terdiri daripada lima orang perempuan dan enam orang lelaki . Bapa beliau, Haji Mohd Salleh bin Mahayadin, merupakan seorang pesara tentera dan pernah berkhidmat sebagai Askar Wataniah pada zaman Penjajahan British dan Komunis. Haji Mohd Salleh juga pernah berkhidmat sebagai Ahli Bomba di Royal Australian Air Force (RAAF) yang kini dikenali sebagai Royal Malaysian Air Force (RMAF) di Teluk Air Tawar, Pulau Pinang. Setelah bersara, beliau bekerja sebagai penarik beca secara sambilan. Ibu Subkhiddin bernama Siti Radziah binti Mohammad, merupakan seorang suri rumah sepenuh masa. Kedua ibu bapa beliau menetap di Kampung Aman, Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

Subkhiddin telah mendirikan rumah tangga pada tanggal 4 Februari 1989, ketika berusia 23 tahun. Isteri beliau, Azizah binti Omar merupakan anak sulung daripada enam adik beradik. Azizah Omar dilahirkan pada 16 September 1967 di Kampung Setol, Telok Air Tawar, Butterwoth, Pulau Pinang. Azizah pernah bekerja sebagai seorang jururawat di sebuah klinik swasta di pekan kecil Bagan Ajam. Namun begitu, Azizah telah bersara sebaik sahaja melahirkan anak sulung mereka. Hasil perkongsian hidup bersama Azizah, mereka telah dikurniakan tiga orang cahaya mata iaitu dua putera dan seorang puteri. Anak beliau yang pertama bernama Ahmad Syauqi Asma'i bin Subkhiddin dilahirkan pada 26 November 1989. Anak kedua beliau bernama Ahmad Syafiq Asma'i dilahirkan 30 November 1994. Manakala anak ketiga beliau bernama Izyan Auni Asma'i telah dilahirkan pada 26 Mei 1998. Anak sulung beliau telah tamat pengajian dari Institut Kemahiran MARA (IKM) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Johor dan sedang mengusahakan pelbagai bidang perniagaan bersama rakan-rakan kongsinya. Anak lelaki beliau yang kedua pula menuntut di Universiti Selangor (UNISEL), Shah Alam, Selangor. Manakala anak bongsu beliau menuntut di Kolej Vokasional Sungai Petani 2, di Sungai Petani Kedah.

Latarbelakang pendidikan awal Subkhiddin bermula di Sekolah Kebangsaan Bagan Ajam, Butterworth, Pulau Pinang dari tahun 1973 hingga 1978. Seterusnya beliau meneruskan persekolahan di Sekolah Menengah Dato' Onn, Butterworth, Pulau Pinang dari tahun 1979 hingga awal tahun 1982.

Beliau sekali lagi telah berpindah ke Sekolah Menengah Vokasional Butterworth setelah mendapat tawaran melanjutkan pengajian dalam jurusan vokasional sehingga tahun 1983. Sekitar tahun 1984, beliau diterima untuk melanjutkan pelajaran ke Politeknik Ungku Omar, Ipoh, Perak. Bagaimanapun, hanya setelah satu tahun di Politeknik iaitu pada tahun 1985, beliau telah berpindah ke Maktab Perguruan Teknik Jalan Cheras, Kuala Lumpur setelah mendapat tawaran di sana. Hal ini disebabkan oleh cita-cita dan minat beliau yang begitu tinggi untuk menjadi seorang guru. Setelah tamat pengajian di Maktab Perguruan Teknik Jalan Cheras, Kuala Lumpur dalam tahun 1989, beliau kerana telah ditugaskan buat pertama kalinya di Sekolah Menengah Vokasional Jalan Stadium, Alor Setar. Antara matapelajaran yang diajar oleh beliau ialah Kimpalan dan Fabrikasi Logam, meliputi subtopik seperti Lukisan Teknik dan berkaitan serta amali dan teori Kimpalan Arka dan Gas. Seterusnya pada tahun 1993, beliau telah dipindahkan ke Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional Butterworth, Pulau Pinang, iaitu sekolah asal beliau pada tahun 1982 hingga 1983. Pada tahun 2001, beliau telah dinaikkan pangkat dan dipindahkan ke Sekolah Menengah Teknik dan Vokasional Nibong Tebal. Beliau mengambil pesaraan awal dari menjadi seorang guru pada tahun 2015.

Antara anugerah yang pernah diterima ketika bergelar guru ialah Anugerah Khidmat Cemerlang Kementerian Pelajaran Malaysia, Anugerah Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Ikon Guru Peringkat Kebangsaan, Ikon Guru Peringkat Pulau Pinang. Selain daripada itu, beliau adalah juga penerima Anugerah Pingat Jasa Masyarakat (PJM) pada tahun 2007 dan Anugerah Kesatria Mangku Negara pada tahun 2012.

Subkhiddin sangat meminati aktiviti memancing dan bermain snuker pada masa lapang. Hobi ini biasanya dilakukan bersama-sama ahli keluarga. Seorang insan yang sangat peramah dan mempunyai perwatakan yang lemah lembut dan sopan santun dalam berbicara. Tidak kering gusi apabila berbicara bersama, dengan telatah dan karenah yang sentiasa menghiburkan. Beliau menganggap dan melayan orang lain seperti sahabat karib beliau sendiri.

Sikap yang sentiasa merendahkan diri dan menghormati pendapat orang lain apabila berbicara juga merupakan ciri-ciri lain yang terdapat dalam diri Subkhiddin. Selain itu, beliau sangat gemar membaca novel, khususnya hasil karya Ramlee Awang Murshid. Subkhiddin seorang yang penyayang dan bertolak ansur dalam mendidik isteri dan anak-anak beliau. Beliau tidak kisah jika ada anak-anak beliau yang ingin mengikuti jejak langkah beliau sebagai pengadil bola sepak. Walaupun jarang bersama keluarga kerana sering menjalankan tugas di luar negara, itu tidak menghalang beliau untuk memberi sepenuh perhatian, kasih sayang dan pendidikan yang secukupnya buat keluarga. Bagi Subkhiddin, ahli keluarganya merupakan tulang belakang yang sentiasa memberi sokongan sepenuhnya kepada beliau sepanjang menjadi seorang pengadil bolasepak.

### **Penglibatan Sebagai Pengadil Bola Sepak**

Penglibatan awal sebagai pengadil bola sepak bermula bersama Persatuan Pengadil Daerah Kota Setar, Kedah pada tahun 1990 ketika berusia 24 tahun. Pada mulanya, Subkhiddin diberikan tugasan sebagai penolong pengadil dalam satu pertandingan bolasepak antara sekolah anjuran Majlis Sukan Sekolah Daerah Kota Setar. Dari situ lah bermulanya karier beliau sebagai pengadil bola sepak. Sukan bola sepak bukanlah sukan yang beliau minati termasuklah dalam bidang pengadilan namun selepas mengadili perlawaan tersebut, muncul minat terhadap bidang pengadilan ini di dalam diri beliau.

Subkhiddin menjadi pengadil Malaysia secara rasminya di bawah Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) pada tahun 1997 ketika berusia 31 tahun. Pada tahun 2000, beliau telah ditauliahkan oleh Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) sebagai pengadil antarabangsa. Perlawaan pertama di peringkat antarabangsa sebagai pengadil adalah di Macau, melibatkan pasukan Brunei menentang Jepun. Dalam perlawaan tersebut, dia telah melayangkan kad merah kepada seorang pemain dari Brunei. Pada tahun 2008, dia dilantik menjadi pengadil Elit Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC). Beliau merupakan pengadil bola sepak pertama Malaysia yang menjadi pengadil Elit AFC. Banyak perlawaan kebangsaan dan antarabangsa yang telah diadili oleh beliau dan antara yang terbesar ialah pada Piala Dunia FIFA 2010 di Afrika Selatan.

Setelah berkhidmat selama 22 tahun di dalam bidang ini, akhirnya Subkhiddin menamatkan karier sebagai seorang pengadil bola sepak pada tahun 2011. Tugasannya terakhirnya adalah di kejohanan Piala Asia di Qatar. Beliau mengambil keputusan bersara demi memberi peluang kepada anak muda lain untuk melibatkan diri di dalam bidang pengadilan bola sepak. Disebabkan kecintaan terhadap bidang ini, sehingga sekarang beliau masih lagi aktif dalam bidang pengadilan iaitu dalam hal ehwal pengurusan FIFA sebagai Tenaga Pengajar Pengadil (Pengadil Instruktur).

### **Pengalaman Sebagai Pengadil Bola Sepak**

Bergelar seorang pengadil bola sepak sudah semestinya banyak memberi pengalaman serta peristiwa pahit manis, lucu dan sebagainya. Antaranya ketika menjadi pengadil pada tahun 2007 ketika Kejohanan FIFA U20 di Canada. Di kejohanan itu, Subkhiddin telah ditugaskan sebagai pengadil utama untuk mengadili perlawanan di antara Portugal menentang Chile. Pada perlawanan itu, dia telah melayangkan kad merah kepada seorang pemain Portugal kerana kesalahan yang dilakukan. Pada masa yang sama, tiba-tiba seorang lagi pemain Portugal telah merampas kad merah daripada tangannya. Setelah mendapatkan semula kad merah yang dirampas itu, beliau dengan pantasnya melayangkan kad merah kepada pemain tersebut juga dan menyebabkan pemain itu menangis sembil menuju ke luar padang. Peristiwa ini juga telah menjadi viral di media sosial dengan videonya tersebar luas di *Youtube*. Selain itu, pengalaman yang tidak dapat dilupakan sudah semestinya pada tahun 2010. Semua peminat bola sepak mengetahui bahawa Subkhiddin Haji Mohd Salleh merupakan satu-satunya pengadil dari Malaysia yang telah terpilih sebagai pengadil utama untuk kejohanan berprestij iaitu Kejohanan Bola Sepak Piala Dunia 2010 di Afrika Selatan. Bukan sahaja menjadi kebanggaan beliau, malahan turut membanggakan jutaan rakyat Malaysia. Kejayaan ini sedikit sebanyak telah menaikkan dan mengharumkan nama Malaysia di mata dunia. Lebih membanggakan apabila beliau ditugaskan sebagai Pegawai Keempat untuk mengendalikan perlawanan pembukaan antara pasukan Afrika Selatan menentang Mexico. Di kejohanan itu, secara keseluruhan beliau terlibat dalam lapan perlawanan. Pada kejohanan itu, dia juga telah bertemu ramai

pemain dan lagenda bola sepak dunia. Antara pemain yang ternama ialah Icar Casillas, penjaga gol pasukan Sepanyol yang sangat beliau kagumi. Pada kejohanan itu juga beliau sempat bertemu dan bersua semula dengan pemain yang menangis disebabkan layangan kad merah beliau. Peristiwa ini disifatkan sebagai pengalaman yang sukar dilupakan sepanjang kariernya menjadi seorang pengadil bola sepak professional.

Terdapat juga peristiwa lucu yang dialami dalam kariernya. Sepanjang menjadi pengadil, pelbagai ragam pemain yang mencuit hati ditemuinya. Sebagai contoh, berlaku satu insiden di Malaysia dalam satu perlawanannya liga tempatan. Perlawanannya tersebut berlangsung di Perlis. Perlawanannya sangat menghiburkan tanpa sebarang masalah pada mulanya. Namun terdapat sedikit perbalahan di akhir separuh masa pertama di mana melibatkan dua orang pemain dari kedua-dua pasukan. Satu pasukan dari selatan dan satu pasukan dari utara tanah air sebagai tuan rumah. Kedua-dua pemain tersebut kelihatan sering menimbulkan kekecohan di dalam dan luar padang termasuk di bilik persalinan pasukan. Apabila berlaku asakan ke arah bola melibatkan kedua-dua pemain ini, pasti akan menimbulkan masalah dan saling bertegang leher. Sehingga di akhir wisel separuh masa pertama dan sedang dalam perjalanan keluar padang permainan untuk menuju ke bilik persalinan, mereka sekali lagi bertegang leher serta mengeluarkan kata-kata kesat sesama mereka. Subkhiddin cuba untuk meleraikan serta memberi amaran lisan kepada kedua-dua pemain tersebut. Ketika cuba meleraikan mereka, salah seorang pemain dari utara tanah air memberitahu kepadanya bahawa mereka saling bergaduh kerana pemain dari selatan tanah air tersebut masih belum melunaskan pinjaman hutang pembelian kereta sekalipun telah memintanya berulang kali. Selepas diberi amaran, kedua-dua pemain tersebut tidak lagi menimbulkan kekecohan sehingga tamat permainan. Peristiwa ini amat melucukan kerana jarang sekali bertemu pemain yang bergaduh disebabkan perkara yang diluar jangkaannya.

Di samping pengalaman manis, pengalaman pahit juga pasti terselit di dalam diri Subkhiddin Haji Mohd Salleh sepanjang penglibatan beliau sebagai pengadil bola sepak. Sama seperti pemain bola sepak, kecederaan merupakan mimpi ngeri yang sangat ditakuti oleh pengadil bola sepak. Ini kerana, pengadil juga

memerlukan stamina dan kecergasan pada tahap maksimum untuk mengendalikan sesuatu perlawanan. Pada penghujung tahun 2011, ketika mengadili satu perlawanan di Tashkent, Uzbekistan, beliau telah mengalami kecederaan kekejangan yang agak serius di bahagian kaki kanan semasa melakukan pemanas badan. Keadaan cuaca pada masa tersebut yang agak sejuk mungkin merupakan salah satu faktor yang menyebabkan kekejangan. Dia telah memaklumkan kepada pegawai yang bertugas tentang kecederaan tersebut dan meminta untuk ditukar ke bahagian pengadil keempat. Namun, permintaan tersebut ditolak atas alasan pengadil yang ada belum bersedia untuk memikul tugas sebagai pengadil utama. Sejurus selepas itu, salah seorang doktor dari pasukan pelawat membantu dengan memberikan suntikan ubat penahan sakit. Selepas menerima suntikan, beliau tidak lagi berasa sebarang kesakitan seperti sebelumnya sehingga tamat perlawanan. Malangnya, sebaik sahaja perlawanan berakhir, kesakitan itu berulang kembali, dan kesakitannya sukar untuk digambarkan akibat oleh suntikan tersebut. Subkhiddin telah mendapatkan rawatan di salah sebuah hospital pakar di Pulau Pinang selepas kembali ke tanah air. Suntikan atau semburan ubat menahan kesakitan sebenarnya banyak memudaratkan kesihatan dan boleh menyebabkan kecederaan itu bertambah parah. Semenjak itu, beliau tidak menggalakkan pemain diberikan kaedah semburan dan suntikan ubat penahan sakit kerana ianya mengambil masa yang lama untuk sembuh.

Menjadi seorang pengadil tidak terlepas daripada perkara misteri yang dialami. Pada sekitar pertengahan tahun 2002, ketika mengadili satu perlawanan, Subkhiddin pernah mengalami situasi dimana kaki beliau gagal berfungsi dengan sempurna. Seluruh badan dan kaki berasa kebas dan kaku. Namun beliau berjaya juga menamatkan perlawanan tersebut walaupun berada dalam keadaan yang sangat memeritkan. Selepas perlawanan tersebut, dia terpaksa berehat selama setahun daripada terlibat dalam bidang pengadilan disebabkan penyakit misteri ini atas nasihat Dato' George Joseph iaitu Ketua Jabatan Pengadil FAM. Sepanjang tempoh rehat itu, dia telah mencuba pelbagai kaedah rawatan moden dan tradisional untuk menyembuhkan penyakit yang dialami. Akhirnya, penyakit misteri tersebut berjaya dipulihkan dan beliau kembali melibatkan diri dalam bidang pengadilan pada tahun berikutnya setelah mendapat kebenaran daripada

Dato' George Joseph. Penyakit misteri ini telah menyebabkan Subkhiddin berhenti seketika daripada bidang pengadilan selama setahun. Beliau juga tidak mengetahui punca sebenar mengapa dan bagaimana penyakit tersebut boleh berlaku terhadap dirinya kerana ianya berlaku secara tiba-tiba.

Kerjaya sebagai seorang pengadil bola sepak sudah semestinya mencabar serta mengalami saat sukar. Keputusan yang ditentukan oleh pengadil kebanyakannya tidak dipersetuju dan dibantah tidak kira oleh pemain maupun penyokong. Ramai yang kurang berpuas hati dan menyimpan dendam jika keputusan tidak berpihak kepada pasukan mereka. Jadi, pengadil jugalah yang menjadi mangsa serangan daripada pihak yang tidak berpuas hati tersebut. Ini juga pernah dialami oleh Subkhiddin sebagai seorang pengadil profesional. Saat paling sukar adalah ketika berhadapan dengan para pemain serta penyokong yang lasak dan agresif. Provokasi dengan mengeluarkan kata-kata kesat adalah perkara biasa yang dilemparkan kepada seorang insan yang bergelar pengadil terutama daripada penyokong fanatik bola sepak.

Kawalan mental dan emosi menjadi sangat penting jika berlaku situasi seperti ini. Reaksi yang positif harus ditunjukkan oleh setiap pengadil. Sekiranya reaksi negatif ditunjukkan, kemungkinan provokasi itu akan berlanjutan dan sukar dikawal. Maka, perlawanan tersebut juga mungkin akan tercemar dengan pergaduhan dan sebagainya. Sebagai seorang manusia biasa, dia tidak dapat lari daripada perasaan emosi apabila diprovok oleh segelintir penonton. Anak perempuannya juga pernah dicemuh rakan-rakan hanya kerana keputusan yang beliau lakukan semasa perlawanan. Subkhiddin juga pernah dipukul sekumpulan penyokong dan pemain ketika mengadili satu perlawanan dari dua kampung yang sememangnya mempunyai sejarah hitam di antara mereka sehingga mendapat perhatian pihak polis. Insiden ini berlaku apabila mereka tidak berpuas hati dengan layangan kad merah yang diberikan kepada mereka.

Apa yang Subkhiddin lakukan ialah dengan mengawal perasaan itu sebaik mungkin dengan tidak menghiraukan segala provokasi yang dilakukan terhadapnya. Walaubagaimanapun, ada terdapat juga segelintir penyokong yang menghargai tugas beliau sebagai pengadil. Di Jepun, sesetengah penyokong

mereka sanggup menunggu di luar stadium untuk mengucapkan terima kasih kepada beliau. Keadaan ini amat mengharukan kerana dia sesungguhnya tidak menyangka masih ada pihak yang menghargai sumbangannya sebagai seorang pengadil.

### **Kesimpulan**

Secara kesimpulannya, kita sebagai rakyat Malaysia seharusnya berbangga dengan perkembangan arena bola sepak di Malaysia termasuklah dalam bidang pengadilan. Hal ini kerana kita juga mampu berkembang maju seperti negara lain dalam semua bidang termasuklah dalam bidang bola sepak. Walaupun pasukan bola sepak kebangsaan negara ini masih belum berpeluang beraksi di Piala Dunia, namun pencapaian mereka di dalam pentas bola sepak juga harus sentiasa dipuji dan dihargai. Jasa dan sumbangan pengadil-pengadil kebangsaan juga seharusnya dihargai sama seperti pemain-pemain bola sepak tanah air. Perjalanan yang dilalui oleh Subkhiddin Haji Mohd Salleh daripada seorang guru hingga menjadi sebagai seorang pengadil bertaraf antarabangsa menunjukkan rakyat Malaysia merupakan rakyat yang berdaya saing. Pengalaman pahit dan manis yang diceritakan sendiri oleh Subkhiddin Haji Mohd Salleh menunjukkan beliau adalah seorang yang gigih dan tidak mudah berputus asa.

Bidang pengadilan memerlukan minat, kesabaran, keikhlasan, tanggungjawab dan keinginan untuk meningkatkan diri yang sangat mendalam. Meskipun karier pengadil bukanlah satu kerjaya yang popular dan menjanjikan pendapatan yang lumayan jika dibandingkan dengan karier sebagai pemain bolasepak, namun jika tiada pengadil maka satu-satu perlawanan itu tidak dapat dijalankan. Adalah diharapkan selepas ini akan lebih ramai lagi terutama peminat bolasepak di seluruh dunia sedar dan terus menghargai jasa, tugas dan tanggungjawab sorang pengadil bola sepak dalam memartabatkan sukan tersebut.

### **Bibliografi**

AFC | The Asian Football Confederation. Diakses pada 29 Ogos 2016 di  
<http://www.the-afc.com/>

- Ahmad Syakir Sazili. (2010, Jun 11). Subkhiddin pengadil keempat. Kosmo. Diakses pada 29 Ogos 2016 di [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0607&pub=Kosmo&sec=Sukan&pg=su\\_08.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0607&pub=Kosmo&sec=Sukan&pg=su_08.htm)
- FIFA U-20 World Cup: Referees - Subkhiddin MOHD SALLEH - FIFA.com. Diakses pada 29 Ogos 2016 di <http://www.fifa.com/u20worldcup/referees/referee=176045/index.html>
- IFA.com. FIFA Committees - Referees Committee - FIFA.com. Diakses pada 29 Ogos 2016 di <http://www.fifa.com/about-fifa/committees/committee=1882029/>
- History of Football - The Origins - FIFA.com. Diakses pada 29 Ogos 2016 di <http://www.fifa.com/about-fifa/who-we-are/the-game/>
- Subkhiddin Mohd Salleh: Sharing Experiences. Diakses pada 29 Ogos 2016 di [https://www.youtube.com/watch?v=8Lq\\_K16yLLw](https://www.youtube.com/watch?v=8Lq_K16yLLw)
- Suraya Roslan. Sifu teknikal. MyMetro. Diakses pada 29 Ogos 2016 di <http://www.hmetro.com.my/node/162538>
- Suryati Mohd Nor. (2015, Julai 7). Demi tugas, Subkhiddin beraya sendirian di Korea Selatan. MStar. Diakses pada 29 Ogos 2016 di <http://www.mstar.com.my/sukan/sukan-ekstra/2016/07/07/pengadil-subkhi-beraya-asing/>
- Wan Fakhrul Bakar. (2010, Jun 1). Dari Nibong Tebal ke Afrika Selatan. Kosmo Online. Diakses pada 29 Ogos 2016 di [http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0530&pub=Kosmo&sec=Sukan&pg=su\\_10.htm](http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0530&pub=Kosmo&sec=Sukan&pg=su_10.htm)
- WorldReferee. WorldReferee.com - referee - Subkhiddin Mohd Salleh - dyk. Diakses pada 29 Ogos 2016 di <http://worldreferee.com/referee/s/dyk>